

| | |
|-----------|---------------|
| Newspaper | BERITA HARIAN |
| Date | 15 JULY 2016 |

'Tindakan bekas PM makin perkukuh kedudukan BN'

BH - 15/7/2016

Kuala Lumpur: Tindakan Tun Dr Mahathir Mohamad menubuhkan satu pakatan baharu hanya akan melemahkan parti pembangkang.

Pengarah Strategik Komunikasi Barisan Nasional (BN), Datuk Abdul Rahman Dahlan, berkata tindakan itu sebaliknya akan mengukuhkan kedudukan Barisan Nasional (BN) untuk menang lebih besar pada pilihan raya umum (PRU) akan datang.

Katanya, parti dalam pakatan

berkenaan tidak mempunyai agenda yang sama untuk Malaysia.

'Hubungan berbahaya'

"Apa yang ada pada pakatan baharu itu satu 'hubungan yang berbahaya' kerana ia wujud atas rasa kekecewaan dan kegagalan mereka untuk mendapatkan sokongan rakyat bagi menyokong mereka.

"BN akan memastikan semua langkah yang bakal dilaksanakan pakatan baharu itu dipatahkan,"

katanya dalam reaksi mengenai penubuhan pakatan baharu dianggotai parti politik pembangkang.

Abdul Rahman berkata, BN akan turun padang bertemu rakyat dan memberitahu bahawa pakatan baharu pembangkang itu tidak boleh dipercayai dan goyah kerana ia diterajui oleh seorang tua yang mempunyai satu objektif sahaja, iaitu menjatuhkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.

"BN akan terus menentang pa-



Apa yang ada pada pakatan baharu itu satu 'hubungan yang berbahaya' kerana ia wujud atas rasa kekecewaan dan kegagalan mereka untuk mendapatkan sokongan rakyat bagi menyokong mereka"

Abdul Rahman Dahlan,
Pengarah Strategik Komunikasi
Barisan Nasional

katan baharu Dr Mahathir yang kini semakin tua. Beliau perlu mengakui hakikat kini sudah berada dalam usia emas dan sepatutnya bertindak sebagai seorang negarawan," katanya.

Kekal prinsip perjuangan BN

Beliau berkata, BN akan terus berjuang mengekalkan prinsip dan perjuangan asalnya serta mengekalkan rekod cemerlang yang dimiliki.

"Kami telah melalui cabaran lebih buruk dan lebih hebat sebelum ini serta berjaya mengatasi.

"Ramai yang tidak terkejut dengan pengumuman Dr Mahathir kerana sudah lama menyerang BN dan mungkin juga kerana ramai mengetahui bahawa beliau mempunyai kepentingan peribadi terhadap kepemimpinan negara pada masa ini," katanya.

